PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

**HGG355 - ANALISIS WILAYAH DAN SETEMPAT**

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

# TAJUK :

ANALISIS LQ MUKIM JOHOR

**NAMA AHLI :**


IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI 136361


**NAMA PENSYARAH :**

PROF. DR. RUSLAN BIN RAINIS

**TARIKH PENGHANTARAN :**

20 DISEMBER 2019

## ANALISIS MUKIM JOHOR 1991 DAN 2000




| PERATUSAN PERTUMBUHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| LQ0091INDUS_1 | LQ0091INDUS_2 | LQ0091INDUS_3 | LQ0091INDUS_4 | LQ0091INDUS_5 | LQ0091INDUS_6 | LQ0091INDUS_7 | LQ0091INDUS_8 |
| -12.50550573 | -46.87532885 | -19.86910366 | -37.1417116 | 22.74291969 | -14.66532614 | 14.51546165 | 157.3170032 |
| LQ TAHUN SEMASA | | | | | | | |
| LQINDUS1_00 | LQINDUS2_00 | LQINDUS3_00 | LQINDUS4_00 | LQINDUS5_00 | LQINDUS6_00 | LQINDUS7_00 | LQINDUS8_00 |
| 0.95 | 0.24 | 0.93 | 1.43 | 0.43 | 0.73 | 0.95 | 0.73 |
| BILANGAN PEKERJA | | | | | | | |
| INDUS1_00 | INDUS2_00 | INDUS3_00 | INDUS4_00 | INDUS5_00 | INDUS6_00 | INDUS7_00 | INDUS8_00 |
| 270 | 1 | 711 | 21 | 76 | 267 | 156 | 72 |

### TRANSFORMING

LQ tahun semasa yang berada di kuadran ini adalah kurang daripada 1. Hal ini dapat ditunjukkan melalui Industri 1 (Pertanian, Perhutanan, Perburuan dan Pertanian) yang mempunyai LQ sebanyak 0.95, Industri 2 (Perlombongan dan Kuari) sebanyak 0.24, Industri 3 sebanyak 0.93 dan Industri 6 (Perdagangan Borong dan Runcit, Restoran dan Hotel) sebanyak 0.73.

Pertumbuhan ekonomi bagi keempat-empat industri ini adalah negatif dan menurun yang dapat ditunjukkan melalui peratusan pertumbuhan dan bilangan pekerja. Industri 1 menunjukkan -12.50550573% dan 270 orang pekerja, Industri 2 sebanyak -46.87532885% dan 1 orang pekerja, Industri 3 sebanyak -19.86910366%

dan 711 pekerja manakala Industri 6 sebanyak -14.66532614% dan 267 orang pekerja.

Ekonomi pada kuadran ini bersifat tidak mengkhusus dan menurun. Oleh itu, ekonomi ini berkemungkinan akan pupus jika tiada langkah atau program yang dijalankan bagi meningkatkan pertumbuhan dan menukarkan kuadran ini kepada kuadran Emerging.

**EMERGING**

Terdapat dua industri yang berada di kuadran Emerging iaitu Industri 8 (Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perniagaan), Industri 5 (Pembinaan) dan Industri 7 (Pengangkutan, Penyimpanan, dan Perhubungan). Ketiga-tiga industri ini mempunyai LQ tahun semasa yang kurang daripada 1.00.

Industri 8 mempunyai LQ iaitu 0.73 dan bilangan pekerja yang bekerja dalam industri ini ialah 72 orang. Industri 5 punya mempunyai LQ iaitu sebanyak 0.43 dan bilangan pekerja adalah sebanyak 76 orang. Manakala Industri 7 pula mempunyai LQ iaitu 0.95 dan bilangan pekerja yang bekerja di industri ini adalah sebanyak 156 orang.

Ketiga-ketiga industri ini menunjukkan ekonomi yang sedang berkembang, pertumbuhan positif dan pantas tetapi ekonomi tidak berkhusus. Pengeluaran dari industri ini adalah tidak mencukupi dan memerlukan eksport untuk menampung penduduk tempatan. Industri yang berada di kuadran ini memerlukan program-program yang sesuai dijalankan bagi meningkatkan lagi pengeluaran dan memindahkan industri ini ke kuadran Star.

**MATURE**

Industri 4 iaitu Elektrik, Gas dan Bekalan Air bersifat ekonomi lama kerana ekonomi yang telah matang. Hal ini dapat ditunjukan melalui LQ tahun semasa yang lebih daripada 1.0 iaitu 1.43. Nilai LQ yang tinggi ini telah menunjukkan bahawa pengeluaran memenuhi keperluaan tempatan tetapi masih menggalakan pengeksportan. Industri ini juga bersifat mengkhusus tetapi mengalami pertumbuhan yang negatif dan menurun iaitu -37.1417116%. Pertumbuhan ini menurun disebabkan oleh bilangan pekerja yang berkerja adalah sedikit iaitu sebanyak 21 orang sahaja. Ekonomi ini perlu diamil perhatian kerana ekonomi ini berkemungkinan akan berpindah ke kuadran Transforming.




| PERATUSAN PERTUMBUHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| LQ0091INDUS_1 | LQ0091INDUS_2 | LQ0091INDUS_3 | LQ0091INDUS_4 | LQ0091INDUS_5 | LQ0091INDUS_6 | LQ0091INDUS_7 | LQ0091INDUS_8 |
| -19.9981192 | -15.54131122 | 104.0129236 | -30.99837181 | 26.4882578 | 32.02325072 | 28.77130713 | -28.97780647 |
| LQ TAHUN SEMASA | | | | | | | |
| LQINDUS1_00 | LQINDUS2_00 | LQINDUS3_00 | LQINDUS4_00 | LQINDUS5_00 | LQINDUS6_00 | LQINDUS7_00 | LQINDUS8_00 |
| 2.21 | 0.51 | 1.14 | 0.72 | 0.57 | 0.61 | 0.58 | 0.14 |
| BILANGAN PEKERJA | | | | | | | |
| INDUS1_00 | INDUS2_00 | INDUS3_00 | INDUS4_00 | INDUS5_00 | INDUS6_00 | INDUS7_00 | INDUS8_00 |
| 891 | 3 | 1232 | 15 | 145 | 318 | 136 | 20 |

**TRANSFORMING**

Terdapat tiga industri dalam kuadran ini iaitu Industri 4 (Elektrik, Gas dan Air), Industri 2 (Perlombongan dan Kuari) dan Industri 8 (Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah, dan Perniagaan). LQ semasa tahunan bagi ketiga-tiga industri ini adalah kurang daripada 1 iaitu Industri 4 sebanyak 0.72, Industri 2 sebanyak 0.51 dan Industri 8 sebanyak 0.14.

Ekonomi bagi ketiga-tiga industri ini adalah tidak mengkhusus malahan pertumbuhan ekonomi dan bilangan pekerja bagi kesemua industri ini adalah negatif dan sedikit. Industri 4 memperlihatkan pertumbuhan -30.99837181% dan pekerja sebanyak 15 orang, Industri 2 memperlihatkan pertumbuhan -15.54131122% dan

pekerja sebanyak 3 orang dan Industri 8 memperlihatkan pertumbuhan -28.97780647% dan pekerja sebanyak 20 orang.

Ekonomi ini perlu diambil perhatian kerana berkemungkinan ekonomi ini akan pupus dan penggantian ekonomi. Jika program atau aktiviti yang sesuai dijalankan ke atas ekonomi ini bagi meningkatkan pertumbuhan, ekonomi ini akan berpindah ke kuadran Emerging.

**EMERGING**

Sama seperti kuadran Transforming, kuadran ini juga mengandungi tiga industri iaitu Industri 5 (Pembinaan), Industri 6 (Perdagangan Borong dan Runcit, Restoran dan Hotel) dan Industri 7 (Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan). Ketiga-tiga industri ini mempunyai LQ tahun semasa yang kurang daripada 1 iaitu Industri 5 mencatatkan 0.57, Industri 6 mencatatkan 0.61, dan Industri 7 mencatatkan 0.58.

Ketiga-tiga industri ini menunjukkan ekonomi yang sedang berkembang. Tambahan lagi, pertumbuhan ekonomi ini ada positif tetapi pengeluaran adalah tidak mencukupi dan memerlukan aktiviti pengeksportan untuk menampung keperluan tempatan. Ekonomi ini tidak mengkhusus tetapi pertumbuhan adalah pantas. Ekonomi di kuadran ini memerlukan program dan aktiviti yang sesuai bagi menjana pertumbuhan yang lebih pesat untuk memindahkan kuadran ini ke kuadran Star.

**STAR**

Industri 3 iaitu Pembuatan terletak di kuadran ini. Ekonomi bagi industri 3 ini menunjukkan pertumbuhan yang pesat dan positif. LQ tahun semasa juga menghampiri 1.00 iaitu 1.34. Ekonomi di kuadran ini menunjukkan ekonomi yang mantap kerana pengeluaran adalah lebih daripada yang diperlukan oleh penduduk tempatan. Dengan erti kata lain, pertumbuhan ini mampu menampung kehidupan setempat. Ekonomi ini adalah mengkhusus dan pertumbuhan yang pantas iaitu sebanyak 104.0129236%. Pertumbuhan ini juga didorong oleh bilangan pekerja yang ramai iaitu sebanyak 1232 orang.

**MATURE**

Industri 1 (Pertanian, Perhutanan, Perburuan dan Perikanan) mempunyai LQ tahun semasa yang lebih dari 1.00 iaitu sebanyak 2.21. Ekonomi jenis ini bersifat

ekonomi yang lama dan sudah matang. Walaupun pengeluaran adalah lebih, namun aktiviti pengeksportan masih dijalankan. Walaupun ekonomi ini matang, namun kadar pertumbuhan adalah menurun dan negatif iaitu -19.9981192%. Ekonomi bagi industri ini perlu diambil perhatian kerana ekonomi ini mungkin menjadi lebih menurun dan akan berpindah ke kuadran Transforming.




| PERATUSAN PERTUMBUHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| LQ0091INDUS_1 | LQ0091INDUS_2 | LQ0091INDUS_3 | LQ0091INDUS_4 | LQ0091INDUS_5 | LQ0091INDUS_6 | LQ0091INDUS_7 | LQ0091INDUS_8 |
| -19.89742312 | -4.53903534 | 67.54325252 | 19.98514095 | 79.56047087 | -27.7683459 | 78.70355847 | 150.0271327 |
| **LQ TAHUN SEMASA** | | | | | | | |
| LQINDUS1_00 | LQINDUS2_00 | LQINDUS3_00 | LQINDUS4_00 | LQINDUS5_00 | LQINDUS6_00 | LQINDUS7_00 | LQINDUS8_00 |
| 1.49 | 0.52 | 1.35 | 0.74 | 0.96 | 0.64 | 0.84 | 0.32 |
| **BILANGAN PEKERJA** | | | | | | | |
| INDUS1_00 | INDUS2_00 | INDUS3_00 | INDUS4_00 | INDUS5_00 | INDUS6_00 | INDUS7_00 | INDUS8_00 |
| 974 | 5 | 2361 | 25 | 394 | 535 | 319 | 73 |

**TRANSFORMING**

Industri 6 (Perdagangan Borong dan Runcit, Restoran dan Hotel) dan Industri 2 (Perlombongan dan Kuari) masing-masing mencatatkan LQ tahun semasa yang kurang dari 1.00 iaitu 0.64 dan 0.52.

Pertumbuhan ekonomi bagi kedua-dua industri ini adalah negatif dan menurun yang dapat ditunjukkan melalui peratusan pertumbuhan dan bilangan pekerja. Industri 6 menunjukkan -27.7683459% dan 535 orang pekerja, dan Industri 2 sebanyak -4.53903534% dan 5 orang pekerja.

Ekonomi pada kuadran ini bersifat tidak mengkhusus dan menurun. Ekonomi ini berkemungkinan akan pupus. Penggantian kepada ekonomi juga akan berlaku sekiranya tiada langkah atau program yang dijalankan bagi meningkatkan pertumbuhan dan menukarkan kuadran ini kepada kuadran Emerging.

**EMERGING**

Terdapat empat industri yang berada pada kuadran ini iaitu Industri 5 (Pembinaan), Industri 7 (Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan), Industri 4 (Elektrik, Gas dan Air) dan Industri 8 (Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perniagaan). Ekonomi bagi keempat-empat industri ini sedang berkembang dan pertumbuhan adalah positif. Industri 5 mencatatkan LQ tahun semasa sebanyak 0.96 dan 394 orang pekerja, industri 7 pula adalah sebanyak 0.84 dan 319 orang pekerja, industri 4 adalah sebanyak 0.74 dan 25 orang pekerja manakala industri 8 adalah sebanyak 0.32 dan 73 orang pekerja.

Pengeluaran dari industri ini adalah tidak mencukupi dan memerlukan eksport untuk menampung penduduk tempatan. Industri yang berada di kuadran ini memerlukan program-program yang sesuai dijalankan bagi meningkatkan lagi pengeluaran dan memindahkan industri ini ke kuadran Star sebagai contoh penumpuan boleh dibuat industri 5 yang hampir mencapai LQ tahun semasa 1.0.

**STAR**

Industri 3 iaitu Pembuatan menunjukkan pertumbuhan yang pesat dan positif. LQ tahun semasa juga menghampiri 1.00 iaitu 1.35. Ekonomi di kuadran ini menunjukkan ekonomi yang kukuh kerana pengeluaran adalah lebih daripada yang diperlukan dan dapat menampung penduduk tempatan. Ekonomi ini adalah mengkhusus dan pertumbuhannya pantas iaitu sebanyak 67.54325252%. Pertumbuhan ini juga didorong oleh bilangan pekerja yang ramai iaitu sebanyak 2361 orang.

**MATURE**

Industri 1 (Pertanian, Perhutanan, Perburuan dan Perikanan) mempunyai LQ tahun semasa yang lebih dari 1.00 iaitu sebanyak 1.49. Ekonomi ini merupakan ekonomi lama dan sifatnya sudah matang. Walaupun pengeluaran adalah lebih dan dapat menampung penduduk tempatan, namun aktiviti pengeksportan masih dijalankan. Kadar pertumbuhan adalah menurun dan negatif iaitu -19.89742312%. Ekonomi bagi industri ini perlu diambil perhatian kerana ekonomi ini mungkin menjadi lebih menurun dan akan berpindah ke kuadran Transforming.




| PERATUSAN PERTUMBUHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| LQ0091INDUS_1 | LQ0091INDUS_2 | LQ0091INDUS_3 | LQ0091INDUS_4 | LQ0091INDUS_5 | LQ0091INDUS_6 | LQ0091INDUS_7 | LQ0091INDUS_8 |
| 85.69483865 | 707.2127534 | -24.48021419 | -26.72421 | -20.90823249 | -41.85783637 | 40.02778191 | -9.494181951 |
| **LQ TAHUN SEMASA** | | | | | | | |
| LQINDUS1_00 | LQINDUS2_00 | LQINDUS3_00 | LQINDUS4_00 | LQINDUS5_00 | LQINDUS6_00 | LQINDUS7_00 | LQINDUS8_00 |
| 2.55 | 0.81 | 1.00 | 0.31 | 0.51 | 0.40 | 0.87 | 0.21 |
| **BILANGAN PEKERJA** | | | | | | | |
| INDUS1_00 | INDUS2_00 | INDUS3_00 | INDUS4_00 | INDUS5_00 | INDUS6_00 | INDUS7_00 | INDUS8_00 |
| 646 | 3 | 679 | 4 | 81 | 130 | 127 | 18 |

**TRANSFORMING**

Pertumbuhan ekonomi bagi keempat-empat industri ini adalah negatif dan menurun. Hal ini dapat ditunjukkan melalui LQ tahun semasa yang kurang dari 1.0 dan bilangan pekerja iaitu Industri 4 (Elektrik, Gas dan Air) mencatatkan 0.31 dan 4 orang pekerja, Industri 5 (Pembinaan) mencatatkan 0.51 dan 81 orang pekerja, Industri 6 (Perdagangan Borong Dan Runcit, Restoran Dan Hotel) mencatatkan 0.40 dan 130 orang pekerja dan Industri 8 (Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah Dan Perniagaan) mencatatkan 0.21 dan 18 orang pekerja.

Ekonomi bagi keempat-empat industri ini adalah tidak mengkhusus dan penggantian ekonomi mungkin berlaku. Oleh itu, langkah atau aktiviti perlu dijalankan untuk menukar industri ini kepada kuadran Emerging sebagai contoh perhatian boleh diberikan terhadap industri 8 yang menghampiri kuadran Emerging.

**EMERGING**

Terdapat dua industri dalam kuadran ini iaitu Industri 2 (Perlombongan dan Kuari) dan Industri 7 (Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan) yang mempunyai LQ tahun semasa kurang dari 1.00. Industri 2 menunjukkan 0.81 dengan bilangan pekerja sebanyak 2 orang manakala industri 7 menunjukkan 0.87 dengan bilangan pekerja 127 orang.

Pengeluaran dari industri ini adalah tidak mencukupi dan kegiatan eksport diperlukan untuk menampung penduduk tempatan. Industri yang berada di kuadran ini memerlukan program-program yang sesuai dijalankan bagi meningkatkan lagi pengeluaran dan memindahkan industri ini ke kuadran Star.

**STAR**

Industri 1 iaitu Pertanian, Perhutanan, Perburuan dan Perikanan menunjukkan ekonomi yang mengkhusus dan pertumbuhan pesat. Hal ini dapat ditunjukkan melalui peratus pertumbuhan iaitu 85.69483865%. LQ tahun semasa bagi industri ini adalah lebih dari 1.00 iaitu 2.55 dan bilangan pekerja yang banyak iaitu sebanyak 646 orang. Pengeluaran bagi industri ini adalah lebih dan mencukupi serta dapat menampung penduduk tempatan.

Ekonomi ini perlu diambil perhatian kerana ekonomi ini akan menjadi matang dan akan berpindah ke kuadran Mature.

**MATURE**

Walaupun Industri 3 iaitu Pembuatan mencatatkan LQ tahun semasa 1.0, tetapi pertumbuhan bagi ekonomi ini menurun iaitu -24.48021419%. Bilangan pekerja bagi industri ini ialah 679 orang. Pertumbuhan ekonomi di kuadran ini bersifat negatif dan menurun. Hasil pengeluaran adalah lebih namun aktiviti pengeksportan masih diperlukan bagi menampung penduduk tempatan. Ekonomi ini bersifat matang dan perlu diambil berhatian agar ekonomi ini tidak berpindah ke kuadran Transforming.




| PERATUSAN PERTUMBUHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| LQ0091INDUS_1 | LQ0091INDUS_2 | LQ0091INDUS_3 | LQ0091INDUS_4 | LQ0091INDUS_5 | LQ0091INDUS_6 | LQ0091INDUS_7 | LQ0091INDUS_8 |
| 8.134370566 | 267.1618643 | 41.56422586 | -16.67600781 | -19.60237654 | -22.06896215 | 31.42448638 | 596.8934137 |
| **LQ TAHUN SEMASA** | | | | | | | |
| LQINDUS1_00 | LQINDUS2_00 | LQINDUS3_00 | LQINDUS4_00 | LQINDUS5_00 | LQINDUS6_00 | LQINDUS7_00 | LQINDUS8_00 |
| 2.05 | 0.82 | 1.13 | 0.58 | 0.45 | 0.63 | 0.90 | 0.69 |
| **BILANGAN PEKERJA** | | | | | | | |
| INDUS1_00 | INDUS2_00 | INDUS3_00 | INDUS4_00 | INDUS5_00 | INDUS6_00 | INDUS7_00 | INDUS8_00 |
| 1360 | 8 | 2004 | 20 | 187 | 535 | 347 | 158 |

**TRANSFORMING**

Terdapat 3 industri yang berada di kuadran ini iaitu Industri 4 (Elektrik, Gas dan Air), Industri 5 (Pembinaan) dan Industri 6 (Perniagaan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran). Ketiga-tiga industri ini mencatatkan LQ tahun semasa yang kurang dari 1.00 seperti industri 4 sebanyak 0.58, industri 5 sebanyak 0.45 dan industri 6 sebanyak 0.63.

Pertumbuhan ketiga-tiga industri ini adalah negatif dan menurun. Sebagai contoh industri 4 menunjukkan pertumbuhan negatif iaitu -16.67600781%, industri 5 iaitu -19.60237654% dan industri 6 iaitu -22.06896215%. Ekonomi ini bersifat tidak mengkhusus dan ekonomi ini akan pupus jika tiada langkah atau aktiviti yang dijalankan untuk meningkatkan pertumbuhan dan pengeluaran. Penggantian ekonomi juga akan berlaku bagi menggantikan ekonomi yang sedia ada.

**EMERGING**

LQ tahun semasa dalam kuadran ini menunjukkan kurang daripada 1.0. Hal ini dapat ditunjukkan melalui Industri 2 (Perlombongan dan Kuari) mencatatkan 0.82, Industri 7 (Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan) mencatatkan 0.90 dan Indsutri 8 (Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perniagaan) mencatatkan 0.69. Ekonomi pada ketiga-tiga industri ini sedang berkembang dan pertumbuhan adalah positif. Walau bagaimanapun, pengeluaran yang dihasilkan oleh industri ini tidak mencukupi untuk menampung penduduk tempatan dan aktiviti pengeksportan masih diperlukan.

Ekonomi ini bersifat tidak mengkhusus tetapi pertumbuhan adalah pantas. Industri ini memerlukan program yang mampu meransang dan merancakkan pertumbuhan serta pengeluaran untuk memindahkan industri ini ke kuadran Star.

**STAR**

Industri 1 iaitu Pertanian, Perhutanan, Perburuan dan Perikanan dan Industri 3 iaitu Pembuatan menunjukkan ekonomi yang mengkhusus dan pertumbuhan pesat. Hal ini dapat ditunjukkan melalui peratus pertumbuhan iaitu 8.134370566% (indutri 1) dan 41.56422586% (industri 3) . LQ tahun semasa bagi industri ini adalah lebih dari 1.00 iaitu industri 1 sebanyak 2.05 dan industri 3 sebanyak 1.13. Bilangan pekerja bagi industri 1 adalah sebanyak 1360 orang dan industri 3 sebanyak 2004 orang. Bilangan pekerja yang ramai ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pengeluaran. Pengeluaran bagi kedua-dua industri ini adalah lebih dan mencukupi serta dapat menampung penduduk tempatan.

Ekonomi ini perlu diambil perhatian kerana ekonomi ini akan menjadi matang dan akan berpindah ke kuadran Mature sebagai contoh industri 1.